

# Vatican City negara terkecil dunia sebesar KL Sentral

VATICAN CITY 7 Jun -- Vatican City atau dikenali sebagai Holy See yang akan dilawati oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad esok atas undangan Pope John Paul II merupakan negara yang mempunyai banyak keunikan dari segi saiz hinggalah kepada ekonominya.

Vatican City merupakan negara terkecil di dunia dengan saiznya 440,000 meter persegi iaitu lebih kurang menyamai keseluruhan Projek KL Sentral dan jauh lebih kecil dari seluruh kawasan Bangsar di Kuala Lumpur.

Hari ini, seperti hari-hari yang lain, menyaksikan perkarangan kompleks bangunan St. Peters Basilica di Vatican City dipenuhi ramai pengunjung.

Kebanyakannya adalah pelancong asing yang antara lain mahu melihat keunikan dan keindahan seni bina empayar silam Rom.

Bangunan itu dibina pada kurun ke-15 dan ke-17.

Ukiran dan lukisan di dalamnya dibuat oleh karyawan ternama seperti Bramante, Michelangelo dan Gianlorenzo Bernini.

## Tarikan

Satu lagi tarikan pelancong khususnya penganut Roman Katolik ialah Papal Palace, iaitu istana Vatican yang merangkumi 1,000 bilik dan rumah; pejabat kerajaan Vatican, beberapa gereja, muzium dan perpustakaan yang mempunyai koleksi lebih sejuta khazanah buku dan manuskrip lama dikatakan bernilai berbilion ringgit.

Pelancongan sebenarnya merupakan salah satu sumber utama ekonomi Vatican City, sebuah negara merdeka di bawah pemerintahan Pope, yang kini disandang oleh John Paul II.

Itu terletak di dalam Wilayah Rom sejak diwujudkan pada 1929 (mendapat kemerdekaan dari Itali) selepas Perjanjian Lateran yang mengakhiri kontroversi statusnya sejak sekian lama.

Status negara berdaulat di bawah naungan Pope yang juga dikenali sebagai Holy See diperakukan lagi pada tahun 1984 - menjadi simbol hampir satu bilion penganut agama itu di seluruh dunia.

Perjanjian tersebut juga dikenali

## FOKUS

sebagai Perjanjian Penyatuan kerana memulihkan semula hubungan antara Kerajaan Itali dan gereja Katolik.

Selain itu, ia membolehkan Pope ketika itu, Pius XI menggubal undang-undang dan dasar Holy See serta berkuasa dari segi fungsi eksekutif dan kehakiman.

Kuasa penggubalan undang-undang dan eksekutif berkenaan dilaksanakan oleh satu jawatankuasa Kardinal (diketuai oleh seorang setiausaha) yang dilantik lima tahun sekali oleh Pope. Beliau juga berhak melantik anggota diplomat termasuk wakil di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Menerusi perjanjian itu juga, semua bangunan warisan di bandar tersebut mempunyai imuniti dan di luar jangkauan Kerajaan Itali seperti bangunan Caligula, Claudius dan Nero.

"Anda tidak akan melihat garis sempadan negara antara Vatican City dan Rome. Inilah antara keunikan Vatican City," kata seorang pemandu pelancong kepada sekumpulan pelancong sambil merujuk kepada lokasi Vatican City yang dikelilingi Kota Rom dan Sungai Tiber.

Walaupun diisytiharkan merdeka, sesiapa sahaja tidak perlu melalui proses Imigresen untuk ke perkarangan Vatican City.

Di satu penjuru kompleks St. Peters, orang ramai memenuhi deretan kedai buku yang menjual segala bahan bacaan berkaitan Katolik, poskad gambar-gambar dan setem.

Hasil jualan bahan-bahan tersebut adalah antara sumber ekonomi Vatican City yang mempunyai keunikan kerana tidak bergantung kepada ekonomi komersial dan konvensional sebagaimana negara lain.

Selain itu, Vatican City menerima bantuan dan sumbangan kewangan daripada Roman Katolik seluruh dunia atau apa yang dipanggil sebagai Peter's Pence.

Dengan jumlah penduduk 900 orang termasuk 200 wanita,

Vatican City boleh dikatakan menikmati ekonomi yang baik dengan para pekerjaannya menerima gaji yang kompetitif.

Sebagai sebuah negara berdaulat, Vatican City pernah mempunyai mata wang sendiri yang sama nilainya dengan lira Itali (sebelum penggunaan mata wang Euro).

Biarpun saiz yang amat kecil, ia mempunyai stesen radio yang boleh diikuti dalam 40 bahasa ke seluruh dunia selain mengurus sendiri penyeliaan jalan raya, perkhidmatan telefon dan telegraf.

Menurut seorang penduduk Vatican City, Roberto Diagini: "Kehidupan di sini sama dengan kehidupan di luar sana dari segi kemudahan walaupun nampak kita lebih menjurus kepada agama."

Biarpun dikaitkan dengan agama Katolik, menurut pentadbiran Holy See, Vatican City adalah entiti yang berasingan.

## Pertahanan

Dari segi pertahanan, negara itu mendapat perlindungan secara langsung di bawah Itali.

Keselamatan Pope dan dalaman Vatican City di bawah tanggungjawab Swiss Guard sementara perkarangan luar termasuk Piazza San Pietro (medan St. Peters) di bawah kendalian polis Itali.

Tempoh kepimpinan Pope tidak mengira tempoh waktu dan akan diganti selepas kematian.

Paul John II telah dipilih sebagai Pope pada tahun 1978 dan beliau dilihat sebagai pemimpin Katolik yang banyak memainkan peranan konstruktif kepada keharmonian antara agama menerusi dialog, pertemuan dengan pemimpin bukan Katolik dan lawatan-lawatannya ke luar negara.

John Paul II merupakan Pope pertama yang menjejakkan kaki mengunjungi masjid di Syaria ketika melawat negara itu pada 2001.

Bagi masyarakat Katolik antarabangsa khususnya negara Barat, Pope adalah tokoh yang begitu berpengaruh, biarpun menaungi sebuah negara yang kecil dan mudah dikelilingi basikal sahaja. —  
*Utusan*